

# **AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]**

**NOR FADHILAH AHMAD**  
Penasihat Undang-Undang  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

# LATAR BELAKANG



- Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)**

Akta ini digubal bagi membolehkan Kerajaan mencapai hasrat yang telah disasarkan dalam teras kedua NKRA iaitu memerangi rasuah disamping membantu kerajaan mengurangkan kadar jenayah iaitu teras pertama NKRA

- Melengkapkan Kekurangan Pada Akta-akta Lain Dalam Melindungi Pemberi Maklumat**

Contoh: Seksyen 65 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta 694]

# **TUJUAN AKTA 711**

- Untuk memerangi rasuah dan salah laku lain (**kelakuan tidak wajar**) dengan menggalakkan dan memudahkan Pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta;
- Melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan; dan
- Mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat.

# TAFSIRAN PENTING

# Pemberi Maklumat-seksyen 2

- Siapakah pemberi maklumat?

## Seksyen 2- Tafsiran

- “pemberi maklumat” ertinya **mana-mana orang** yang membuat pendedahan **kelakuan tidak wajar** kepada **agensi penguatkuasaan** di bawah seksyen 6.

# PEMBERI MAKLUMAT

## SEKSYEN 2

Mana-mana  
orang yang



Membuat  
pendedahan  
kelakuan tidak wajar



kepada agensi  
penguatkuasaan


# Kelakuan tidak wajar-seksyen 2

## Seksyen 2- Tafsiran

- “kelakuan tidak wajar” ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan **tatatertib** atau kesalahan **jenayah**.

# KELAKUAN TIDAK WAJAR

## SEKSYEN 2



# AGENSI PENGUATKUASAAN

## SEKSYEN 2

- i. mana-mana kementerian, jabatan, agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan termasuk suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi kementerian, jabatan, agensi atau badan itu, yang diberi **fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan** oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan;
- ii. suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang **diberi fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain**; atau
- iii. suatu unit, seksyen, bahagian, jabatan atau agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasatan dan penguatkuasaan;

**“badan awam”** termasuklah –

- (a) Kerajaan Malaysia;
- (b) Kerajaan sesuatu Negeri;
- (c) Mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana pihak berkuasa berkanun yang lain;
- (d) Mana-mana jabatan, perkhidmatan atau pengusahaan Kerajaan Malaysia, Kerajaan sesuatu Negeri, atau sesuatu pihak berkuasa tempatan; dan
- (e) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau yang dalamnya mana-mana badan awam sebagaimana yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c ) atau (d) mempunyai kawalan atau kepentingan;

**“badan swasta”** ertinya suatu jawatan atau entiti selain badan awam;

**“pegawai badan awam”** ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu;

**“pegawai badan swasta”** termasuklah mana-mana orang yang menjadi seorang anggota, pemegang jawatan, pegawai, pekerja, pekhidmat, majikan, tuan punya, rakan kongsi dan pengarah sesuatau badan swasta;

## Seksyen 3-Kuasa am agensi penguatkuasaan

S.3(2)-

- (a) untuk **menerima pendedahan** kelakuan tidak wajar;
- (b) untuk **menguatkuasakan perlindungan** pemberi maklumat;
- (c) untuk **menguruskan pendedahan** kelakuan tidak wajar;
- (d) untuk **menerima aduan tindakan** yang memudaratkan;
- (e) untuk **menguruskan aduan tindakan** yang memudaratkan; dan
- (f) untuk **melaksanakan peruntukan Akta ini.**

## Seksyen 4-Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan

- Menteri boleh memberi agensi penguatkuasaan arahan yang bersifat am yang selaras dengan Akta ini tentang –
  - penjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada agensi penguatkuasaan oleh Akta ini dan
  - kewajipan yang dikehendaki supaya ditunaikan oleh agensi penguatkuasaan di bawah Akta ini dan
  - agensi penguatkuasaan hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

# Seksyen 5- Kerjasama dengan agensi lain

- 5(1) agensi penguatkuasaan boleh bekerjasama dengan mana-mana agensi penguatkuasaan lain dan mana-mana jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau orang lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh agensi penguatkuasaan itu.
- 5(2) Agensi penguatkuasaan boleh berunding dengan dan menyebarkan risikan dan maklumat kepada mana-mana agensi penguatkuasaan lain dan mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh agensi penguatkuasaan itu.
- 5(3) Jika agensi penguatkuasaan menyebarkan risikan atau maklumat kepada mana-mana agensi penguatkuasaan atau orang lain di bawah subseksyen (2), agensi penguatkuasaan atau orang itu adalah tertakluk kepada seksyen 8.
- 5(4) Apabila apa-apa permintaan dibuat oleh agensi penguatkuasaan untuk kerjasama bagi maksud melaksanakan Akta ini, mana-mana orang yang kepadanya permintaan itu dibuat hendaklah memberikan segala bantuan yang perlu sebagaimana yang dikehendaki oleh agensi penguatkuasaan itu.

# SEKSYEN 6-

## PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

### SUBSEKSYEN 6 (1)

kepercayaannya yang  
munasabah bahawa  
mana-mana orang

telah melibatkan diri

sedang melibatkan diri

bersedia untuk  
melibatkan diri

dalam  
kelakuan  
tidak wajar

Dengan syarat bahawa pendedahan sedemikian tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], Financial Services Act 2013 [Act 758], Akta Perlindungan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta-akta lain)

## Seksyen 6(2)

Pendedahan kelakuan tidak wajar di bawah subseksyen 6(1) juga boleh dibuat:

- (a) walaupun orang yang membuat pendedahan itu **tidak dapat mengenal pasti** orang tertentu yang berkaitan dengan pendedahan itu;
- (b) walaupun kelakuan tidak wajar itu **telah berlaku sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini**;
- (c) berkenaan dengan maklumat yang diperoleh olehnya **semasa dia menjadi seorang pegawai badan awam atau pegawai badan swasta**; atau
- (d) mengenai apa-apa kelakuan tidak wajar seseorang **semasa orang itu menjadi seorang pegawai badan awam atau pegawai badan swasta**.

## Subseksyen 6(3)

Pendedahan kelakuan tidak wajar di bawah subseksyen (1) boleh dibuat secara **lisan** atau secara **bertulis** dengan syarat bahawa pegawai diberi kuasa, apabila diterimanya apa-apa pendedahan yang dibuat secara **lisan**, hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, **mengubahnya ke dalam bentuk bertulis**.

## Subseksyen 6(4)

Pendedahan yang dibuat berhubung dengan ahli Parlimen atau ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri tidaklah terjumlah kepada pelanggaran keistimewaan.

## Subseksyen 6(5)

- Mana-mana peruntukan dalam apa-apa kontrak kerja hendaklah terbatal setakat yang ia bertujuan untuk menghalang pendedahan kelakuan tidak wajar.

# ELEMEN PENTING

Orang yang mempunyai pengetahuan yang munasabah

Membuat pendedahan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan  
*(no wrong door policy)*

Jika agensi penguatkuasaan tiada kuasa penyiasatan, salurkan kepada agensi yang lain

Tidak dilarang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang melindungi maklumat

# PERLINDUNGAN

## Seksyen 7

- Seseorang pemberi maklumat hendaklah, apabila pendedahan kelakuan tidak wajar diterima oleh mana-mana agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 6, diberi perlindungan pemberi maklumat di bawah Akta ini seperti yang berikut: ...

# PERLINDUNGAN

## SEKSYEN 7

Perlindungan maklumat sulit

Kekebalan tindakan sivil dan  
jenayah

Perlindungan terhadap  
tindakan yang memudaratkan

diperluas kepada mana-mana  
orang yang mempunyai  
hubungan atau kaitan dengan  
pemberi maklumat itu.

# Maklumat Sulit? –seksyen 2

## Tafsiran Maklumat Sulit-

“maklumat sulit” termasuklah—

- a) maklumat tentang **identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja** atau tempat beradanya—
  - (i) seseorang pemberi maklumat; dan
  - (ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- b) **maklumat yang didedahkan** oleh seseorang pemberi maklumat; dan
- c) **maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang**

# PERLINDUNGAN MAKLUMAT SULIT

(1) Mana-mana orang yang membuat dan menerima pendedahan kelakuan tidak wajar tidak boleh mendedahkan maklumat sulit itu kepada mana-mana pihak lain dalam apa jua keadaan melainkan bagi tujuan yang dibenarkan di bawah Akta ini.

## SEKSYEN 8

(3) Maklumat identiti pemberi maklumat yang terdapat di dalam dokumen yang hendak dikemukakan di dalam sesuatu perbicaraan hendaklah dipadamkan/disembunyikan supaya identiti pemberi maklumat tidak didedahkan.

(2) Mahkamah atau tribunal tidak boleh mengarahkan supaya maklumat sulit didedahkan di dalam mana-mana prosiding atau perbicaraan tertakluk kepada subseksyen 8(3).

**Kesalahan melanggar subseksyen 8(1) apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya [subseksyen 8(4)]**

# KEKEBALAN TINDAKAN SIVIL DAN JENAYAH



# PERLINDUNGAN TERHADAP TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

## SEKSYEN 10

- ❑ (1) melarang mana-mana orang mengambil **tindakan yang memudaratkan** ke atas pemberi maklumat atau **orang yang berkaitan dengannya sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar.**
  
- ❑ (2) Mana-mana orang yang diambil tindakan yang memudaratkan boleh membuat **aduan kepada mana-mana agensi penguatkuasaan.**

# TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN?

---

## SEKSYEN 2

- (a) tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;

---

- (b) ugutan atau gangguan;

---

- (c) gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesi, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan

---

- (d) suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c).

---

# Subseksyen 10(3)

Seseorang disifatkan mengambil tindakan yang memudaratkan terhadap pemberi maklumat atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat jika—

- (a) orang itu mengambil atau mengancam untuk mengambil tindakan yang memudaratkan kerana—
  - (i) pemberi maklumat itu telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar; atau
  - (ii) orang itu percaya bahawa pemberi maklumat itu telah membuat atau berhasrat untuk membuat pendedahan kelakuan tidak wajar; atau
- (b) orang itu mengapi-apikan atau membenarkan seseorang yang lain untuk mengambil atau mengancam untuk mengambil tindakan yang memudaratkan atas apa-apa sebab di bawah subperenggan (a)(i) atau (ii).

## Subseksyen 10(4)

- (4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjaskankan perlindungan kepada seseorang pekerja dalam badan swasta sama ada di sisi undang-undang atau di bawah perjanjian kolektif atau kontrak kerja.

## Subseksyen 10(5)

(5) Tiada seorang pun yang bertindak atau berupa sebagai bertindak bagi pihak mana-mana badan awam atau badan swasta boleh—

- (a) menamatkan sesuatu kontrak;
- (b) menahan bayaran yang genap masa dan kena dibayar di bawah sesuatu kontrak; atau
- (c) enggan untuk membuat kontrak yang berikutnya,

semata-mata atas sebab bahawa suatu pihak kepada kontrak itu atau seseorang pekerja atau majikan suatu pihak kepada kontrak itu telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar yang berhubungan dengan badan awam atau badan swasta itu kepada mana-mana agensi penguatkuasaan.

## Subseksyen 10(6)

Penalti akibat perlanggaran kepada subseksyen 10(1):

- Denda tidak melebihi **RM100,000.00**; atau
- Penjara tidak melebihi **15 tahun**; atau
- Kedua-duanya.

## Subseksyen 10(7)-Beban pembuktian defandan

Defandan perlu membuktikan bahawa tindakan yang memudaratkan yang dilakukan itu **bukanlah sebagai tindak balas** terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar oleh pemberi maklumat.

# PEMBATALAN PERLINDUNGAN-Seksyen 11

# PEMBATALAN PERLINDUNGAN

## SUBSEKSYEN 11(1)

Pemberi maklumat turut terlibat dalam kelakuan tidak wajar itu;

Membuat kenyataan palsu;

- *[Satu kesalahan di bawah Seksyen 21 dan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali (Seksyen 25)]*

Pendedahan tersebut merupakan perkara yang remeh temeh;

Perkara yang didedahkan mempersoalkan merit dasar kerajaan

Pendedahan dibuat bagi mengelak daripada dibuang kerja/ tindakan tatatertib lain; atau

Pemberi maklumat melakukan apa-apa kesalahan di bawah akta ini seperti mendedahkan maklumat sulit, memusnahkan bahan bukti atau mengarahkan orang lain melakukan perkara yang menjadi kesalahan di bawah akta ini.

# Pembatalan Perlindungan...samb.

- 11(2)- Agensi Penguatkuasaan hendaklah beri notis bertulis kepada pemberi maklumat jika perlindungan dibatalkan.
- 11(3)- Mana-mana orang yang terkilan akibat pembatalan itu boleh rujuk mahkamah untuk penentuan.
- 11(4)- Mahkamah boleh membuat perintah utk memelihara perlindungan dan juga boleh membuat apa-apa perintah berbangkit yang perlu utk melaksanakan perintah bagi relief itu.

## SIASATAN – SEKSYEN 12

Setiap agensi penguatkuasaan yang menerima pendedahan kelakuan tidak wajar di bawah Seksyen 6 hendaklah menjalankan penyiasatannya sendiri dan menyediakan laporan yang mengandungi-

- (a) dapatan penyiasatan itu; dan
- (b) syor untuk langkah selanjutnya diambil, jika ada, berdasarkan dapatan penyiasatan itu.

# LAPORAN HASIL SIASATAN


## SEKSYEN 13

- Laporan hasil siasatan pendedahan kelakuan tidak wajar

## SEKSYEN 14

- Laporan hasil siasatan aduan tindakan yang memudaratkan

## LAPORAN HASIL SIASATAN



# LAPORAN KEPADA MENTERI

- Agensi penguatkuasaan hendaklah menyediakan dan mengemukakan laporan kepada Menteri jika tindakan susulan tidak cukup atau tiada tindakan diambil oleh pihak berkuasa tatatertib atau pihak berkuasa lain. [ss.13(3) / ss.14(4)]
  
- Laporan kepada Menteri ini disediakan terhadap setiap kes yang melibatkan penguatkuasaan remedi bagi membolehkan Menteri menilai tahap keseriusan tindakan memudaratkan yang berlaku di sektor awam dan swasta.

# REMEDI

# REMEDI

## SEKSYEN 15

Pemberi Maklumat  
memohon kepada  
agensi  
penguatkuasaan untuk  
melaksanakan remedi

Sama ada ke  
mahkamah atau  
majikannya

Ganti rugi atau  
pampasan

injunksi

Apa-apa relif lain yang  
difikirkan patut oleh  
mahkamah

# REMEDI...samb.

ss.15(1)

- (a) dalam tempoh **tiga bulan** selepas dimaklumkan oleh Agensi Penguatkuasaan di bawah ss.14(6) bahawa tindakan yg memudaratkan sbg tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar;
  
- (b) **bila-bila masa** jika pemberi maklumat rasa bimbang tindakan yg memudaratkan sbg tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar akan diambil terhadapnya.....

## ss.15(1)...samb.

agensi penguatkuasaan boleh menuntut remedi yg berikut daripada mahkamah:

- (A) ganti rugi atau pampasan
- (B) injunksi; atau
- (C) apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

\*ss.15(2)- Hak tuntutan remedi (A), (B), (C) ini juga diperluaskan kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dgn pemberi maklumat.

## ss.15(3)

Jika Pemberi maklumat @ orang yang ada hubungan/kaitan dengan pemberi maklumat itu bercadang untuk menuntut remedi melalui orang lain (contohnya peguam swasta dll.), pemberi maklumat @ orang yang ada hubungan/kaitan itu perlu memberitahu agensi penguatkuasaan tentang hal itu.

## ss. 15(4)

Apabila diterima pemberitahuan di bawah ss.15(3) atau agensi penguatkuasaan mendapati bhw pemberi maklumat @ orang yang ada hubungan/kaitan dengan pemberi maklumat telah menuntut remedi melalui orang lain, agensi boleh memohon kpd mahkamah utk dilepaskan atau berhenti mewakili pemberi maklumat @ orang yang ada hubungan/kaitan dengan pemberi maklumat.

Pemberi maklumat atau orang yang ada hubungan/kaitan hendaklah membuat bayaran ganti kpd agensi penguatkuasaan bagi apa-apa perbelanjaan yang telah ditanggung.

## Liabiliti diri- Seksyen 16

16(1)- Seseorang yang melakuan tindakan yang memudaratkan kepada PM @ OYMHAKDPM sebagai tindakan balas terhadap pendedahan kelakuan tidak wajar hendaklah dibawa tindakan guaman terhadapnya dan bertanggungan bagi ganti rugi/pampasan di bawah perenggan 15(1)(A) dalam **kapasiti perseorangannya**.

## ss.16(2)

Hak seseorang PM @ OYMHAKDPM untuk membawa prosiding bagi ganti rugi tidak menjaskan apa-apa hak atau remedi lain yang boleh didapati olehnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

## Injunksi-Seksyen 17

17(1) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa utk memerintahkan mana-mana orang untuk-

- i) menahan diri daripada meneruskan;
- ii) menahan diri mengulangi atau mengancam utk meneruskan; atau
- iii) menahan diri mengulangi tindakan yang memudaratkan terhadap PM @OYMHAKDPM.

17(2) injunksi interim sementara menunggu penentuan muktamad permohonan di dlm ss.17(1)

# Kuasa mahkamah- s.18

- a) perintah bagi membayar ganti rugi, pampasan, kos, bunga atau apa-apa bentuk relief kewangan yang lain;
- b) injunksi;
- c) apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah;
- d) membenarkan PM @ OYMHAKDPM kembali bertugas; atau
- e) mengembalikan jawatan PM@OYMHAKDPM atau membayar pampasan sebagai ganti kepada pengembalian jawatan...- dll (lihat s.18)

## Seksyen 19-Penempatan semula tempat kerja

- (1) Seseorang PM @ OYMHAKDPM yang bimbang akan atau telah mengalami tindakan yang memudaratkan boleh meminta agensi penguatkuasaan untuk memohon secara bertulis, untuk dan bagi pihaknya, kepada badan awam yang berkaitan atau majikan atau orang lain yang berkenaan dalam badan swasta untuk penempatan semula tempat kerjanya.
- (2) Jika badan awam atau majikan atau orang lain yang berkenaan dalam badan swasta itu mempertimbangkan—
  - (a) bahawa terdapat bahaya atau kemungkinan bahawa tindakan yang memudaratkan akan diambil terhadap PM @ OYMHAKDPM jika dia terus memegang jawatannya sekarang; atau

## s.19...samb.

- (b) bahawa PM @ OYMHAKDPM sebenarnya telah mengalami tindakan yang memudaratkan; dan
- (c) bahawa satu-satunya cara yang praktikal untuk menghapuskan atau menghapuskan secara substansial bahaya atau kesan tindakan yang memudaratkan adalah melalui penempatan semula tempat pekerjaannya,

badan awam atau majikan atau orang lain yang berkenaan dalam badan swasta itu hendaklah, setakat yang dapat dilaksanakan, membuat perkiraan bagi penempatan semula dalam badan awam atau badan swasta itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

# KESALAHAN

## SUBSEKSYEN 8(4)

- Kesalahan melanggar perlindungan maklumat sulit
- Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedu-duanya sekali.

## SEKSYEN 21

- Membuat kenyataan palsu

## SEKSYEN 22

- Menghalang pegawai yang diberi kuasa daripada menjalankan kewajipan di bawah Akta ini.

## SEKSYEN 23

- Memusnahkan atau memalsukan dokumen atau menghasut orang-orang lain melakukan perkara-perkara tersebut.

## SEKSYEN 24

- Persubahatan atau percubaan melakukan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

## SEKSYEN 25

- Penalti am kesalahan di bawah Akta yang tiada peruntukan penalti
- Denda tidak melebihi RM20,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedu-duanya sekali.

# **GANJARAN**

## **SEKSYEN 26**

- Mana-mana pendedahan kelakuan tidak wajar atau aduan tindakan yang memudaratkan yang menjurus kepada sesuatu pengesanan atau pendakwaan boleh dipertimbangkan untuk diberi ganjaran oleh agensi penguatkuasaan yang berkenaan.
- Ia bergantung kepada pertimbangan-pertimbangan dan formula yang sedang dirangka oleh Kerajaan yang akan dimaklumkan apabila dimuktamadkan kelak.

SEKIAN, TERIMA KASIH